

# UMS Meterai Persefahaman Dengan SFI

Menyedari kepentingan dan keperluan kerjasama di antara institusi pengajian tinggi dengan pihak industri di era globalisasi ini, Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan Sabah Forest Industries Sdn Bhd (SFI) telah mengambil inisiatif mewujudkan kerjasama bersama melalui Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman yang telah diadakan di Pejabat Setiausaha Negeri Sabah, Wisma Innoprise pada 01 Februari 2005 yang lepas.

Kerjasama yang dijalankan ini memberi fokus kepada pembangunan pendidikan dan penyelidikan terutamanya dalam bidang sains botani, ekologi, alam sekitar, perhutanan dan produk hutan serta sosio-ekonomi.

UMS telah diwakili oleh Naib Canselor pertamanya, Tan Sri Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Abu Hassan Othman dan Pendaftar, En. Hela Ladin Mohd Dahalan, manakala SFI telah diwakili oleh Pengurus SFI merangkap Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah, Datuk K.Y. Mustafa dan Ketua Eksekutif SFI, Pang Fook Fah.



**PERSEFAHAMAN DIMETERAI...** Tan Sri Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Abu Hassan Othman (kanan) bertukar dokumen dengan Pengurus SFI Datuk K.Y. Mustaffa.